



14 Mar 2018

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Bisnes • Page: 25 • Printed size: 146.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,032.75  
PR Value: MYR 15,098.25 • Item ID: MY0031996574

[isentia.mediaportal](http://isentia.mediaportal)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## IJM peroleh kontrak LRT3 RM1.12 bilion

**IJM** Corp Bhd menerusi anak syarikatnya IJM Construction Sdn Bhd, memperoleh kontrak pakej Laluan Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) bawah tanah bernilai RM1.12 bilion.

Pakej yang membabitkan laluan bawah tanah dari Bandar Utama ke Johan Setia, Klang itu diperoleh daripada Prasarana Malaysia Bhd.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia, IJM Corp berkata projek itu membabitkan reka bentuk, pembinaan dan penyiapan terowong, stesen dan bangunan sokongan bawah tanah serta kerja berkaitan lain.

Projek itu akan mengambil masa 31 bulan untuk disiapkan dan dijangka menyumbang secara positif kepada keuntungan syarikat dari tahun kewangan 2019 hingga 2021, kata IJM Corp.

### Rancangan menaik taraf sosioekonomi Malaysia

Secara umumnya, projek LRT3 dibangunkan di bawah Rancangan Pembangunan Rel Bandar oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Ia adalah sebahagian daripada Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat yang bertujuan untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam yang memuaskan, cekap, bersepadu serta mampan.

Rancangan itu dijangka berupaya menaikkan taraf sosioekonomi di Malaysia dan meningkatkan mutu kehidupan rakyat.

Jarak keseluruhan LRT3 adalah 36 kilometer dan akan merentasi 25 stesen sepanjang laluan.

Pembinaan LRT3 akan bermula pada 2016, setelah kelulusan daripada pelbagai pihak berkepentingan diperolehi.

LRT3 dijangka akan siap pada tahun 2020.